

'BERISIK' DAN 'BEPETIT': KAJIAN BAHASA HALUS MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Hamidah Abdul Wahab¹

Imran Ho Abdullah, Khazriyati Salehuddin & Mohammed Azlan Mis²

ABSTRAK

Bahasa halus atau eufemisme merupakan salah satu strategi berbahasa yang lazimnya berperanan untuk menjaga sensitiviti penutur dan pendengar mengenai sesuatu isu yang boleh menimbulkan rasa malu, menyinggung perasaan dan seumpamanya. Kajian bahasa halus dalam makalah ini memfokus kepada penggunaan bahasa dalam domain kewanitaannya, iaitu kehamilan. Bahasa halus bagi kehamilan dikaji untuk menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam masyarakat ini mempunyai hubungan yang erat dari sudut makna dan budaya Melayu yang berlandaskan agama Islam. Data kajian dianalisis dari sudut semantik kognitif, iaitu satu cabang kajian linguistik yang meneliti aspek bahasa dari sudut pemaknaan dan pemikiran penutur berlandaskan pengalaman dan persekitaran mereka. Dapatan kajian ini memperlihatkan wujudnya kata-kata bersifat halus bagi memperkatakan topik kehamilan, iaitu 'ada isik', 'berisik', 'petit', dan 'bepetit'. Secara langsung, kajian ini menggambarkan kehemahan dan ketinggian peribadi, serta ketelitian penutur dalam berbahasa. Kajian ini turut menonjolkan sisi kebahasaan masyarakat Melayu Sarawak yang memiliki variasi bahasa santun dalam mengungkapkan hal-hal seperti kehamilan, yang secara dasarnya mempunyai sedikit perbezaan dengan masyarakat Melayu umumnya.

Kata kunci: bahasa halus, kehamilan, semantik kognitif, skema imej, Melayu Sarawak

PENGENALAN

Masyarakat Melayu merupakan antara kaum peribumi terbesar di Sarawak dengan populasinya mencecah 616,900 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Seperti masyarakat lainnya, masyarakat Melayu Sarawak (MMS) juga kaya dengan adat resam, amalan tradisi dan bahasa yang tersendiri. Dari sudut bahasa, dialek Melayu Sarawak (DMS) merupakan medium komunikasi utama dalam kalangan penduduk, bukan sahaja antara kaum Melayu, malahan merentasi kaum lain seperti Iban, Bidayuh, Cina, dan lain-lain. Daripada penelitian, MMS dilihat menggunakan bahasa yang tersendiri dalam mengungkapkan hal-hal yang sensitif sifatnya, misalnya bagi topik kewanitaannya seperti haid, kehamilan dan kelahiran. Dalam makalah ini, penggunaan bahasa dalam memperkatakan topik kehamilan difokuskan dan dibincangkan dengan lanjut.

'Hamil' didefinisikan sebagai 1. mengandung, bunting 2. kandungan; manakala 'mengandung' ditakrifkan sebagai 1. membawa sesuatu dalam saku dan lain-lain; 2. hamil (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007: 506, 669). Berdasarkan Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu (2008: 290) pula, 'hamil' dirujuk sebagai 'mengandung, bunting, sarat, berbadan dua, bertian, dan besar perut'. Kedua-dua kata 'hamil' dan 'mengandung' lazim digunakan oleh masyarakat Melayu untuk merujuk kepada keadaan wanita yang mengandungkan anak. Topik kehamilan merupakan antara topik yang umumnya boleh menimbulkan rasa malu dalam kalangan masyarakat. Sungguhpun berita kehamilan merupakan antara perkara yang menggembirakan dan menyenangkan, penutur lazim menggunakan bahasa yang tidak berterus terang untuk menyebut tentang kehamilan. Bagi masyarakat Melayu umum,

¹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS (awhamidah@unimas.my)

² Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM